

# Elak negara dilimpahi rakyat asing Penganggur jangan memilih kerja — PM

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para penganggur supaya tidak memilih pekerjaan bagi mengelakkan negara ini dilimpahi oleh rakyat asing yang mengambil kesempatan untuk bekerja di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, kekayaan negara ini akan jatuh ke tangan orang lain sekiranya para penganggur masih tidak mahu mengubah sikap dan terlalu memilih pekerjaan.

"Lama kelamaan negara ini akan dipenuhi oleh rakyat asing termasuk dari Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand dan sebagainya," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Perdana Menteri menambah rakyat

asing berminat untuk bekerja di sini kerana terdapat banyak peluang pekerjaan yang menjanjikan pendapatan yang lumayan sedangkan rakyat Malaysia pula terlalu memilih pekerjaan.

Menurutnya, pekerjaan dalam bidang industri pembinaan, misalnya, boleh memberi pendapatan sehingga \$50 sehari tidak termasuk kerja lebih masa dan sebagainya.

## Pelabur asing

"Sekiranya para penganggur kita tidak merebut peluang tersebut sudah tentu semua kekayaan negara ini akan jatuh ke tangan orang lain dan apabila terjadi demikian kita janganlah marah," katanya.

Sambil melahirkan kesal terhadap si-

kap penganggur - penganggur itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap masalah pengangguran.

Menurut beliau, usaha - usaha kerajaan selama ini termasuk mencari pelaburan asing adalah untuk memberi peluang kepada penganggur - penganggur mendapatkan pekerjaan.

"Kita merasa tidak puas hati terhadap setengah dari mereka yang tidak mahu berpindah ke tempat - tempat yang mempunyai peluang pekerjaan yang banyak," katanya.

Oleh yang demikian, katanya, para penganggur janganlah marah sekiranya peluang - peluang pekerjaan di negara ini direbut oleh orang lain kerana mereka sendiri yang melepaskan peluang - peluang tersebut.